



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**KEBERKESANAN SIGNIFIKAN KEYAKINAN DAN
KEPROAKTIFAN KENDIRI GURU BAHASA MELAYU
TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN DIGITAL DALAM
PENGAJARAN KARANGAN FAKTA**

*SIGNIFICANT EFFECTIVENESS OF MALAY LANGUAGE TEACHER'S
CONFIDENCE AND SELF-PROCEDURE IN USING DIGITAL MATERIALS FOR
TEACHING FACTUAL ESSAYS*

Adenan Ayob^{1*}

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim
Email: adenan@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2021

Revised date: 15.10.2021

Accepted date: 18.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Ayob, A. (2021). Keberkesanan Signifikan Keyakinan Dan Keproaktifan Kendiri Guru Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Bahan Digital Dalam Pengajaran Karangan Fakta. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 01-12.

DOI: 10.35631/IJEPC.644001

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendigitalan bahan dalam pendidikan ialah platform sofistikated yang semakin giat digunakan guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Pendigitalan ini semakin digemari guru, dan banyak kajian berkaitannya dibuat. Selaras dengan perkembangan penyelidikan tersebut, kajian ini telah dilaksana untuk mengkaji keberkesanan signifikan keyakinan dan keproaktifan kendiri guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta. Kajian berkisar kepada pendapat guru dengan berdasarkan dimensi keyakinan dan keproaktifan kendiri. Kaedah tinjauan menerusi reka bentuk kajian kuantitatif dengan berpandukan soal selidik diguna dalam penyelidikan ini. Sampel kajian adalah terdiri daripada 30 orang guru Bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah menengah di dalam daerah Shah Alam, Selangor. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai. Data inferens pula adalah daripada Ujian-t Satu Sampel untuk menguji keberkesanan min setiap dimensi. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kedua-dua dimensi. Bagi dimensi keyakinan kendiri, $t = 37.1$, manakala dimensi keproaktifan kendiri, $t = 49.6$. Kedua-dua dimensi telah ditetapkan aras signifikan < 0.05 ($df = 29$). Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa keyakinan dan keproaktifan kendiri adalah penting diukur pada guru supaya penggunaan bahan digital menjadi norma baharu yang aktif dalam konteks mekanis pengajaran karangan fakta pada abad ke-21 ini. Dicadang supaya guru diberikan pendedahan yang luas tentang penggunaan

bahan digital di dalam bilik darjah. Tujuannya supaya rangsangan guru Bahasa Melayu meningkat dalam konteks *penggunaan* bahan yang berasaskan TMK.

Kata Kunci:

Keyakinan Kendiri, Keproaktifan Kendiri, Penggunaan Bahan Digital, Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, Karangan Fakta

Abstract:

The digitization of materials in education is a sophisticated platform that is increasingly being used by Malay language teachers in the classroom. This digitization is increasingly imposed by teachers, and many related studies that have been done. In line with this research, the study was conducted to examine the significant effectiveness of Malay language teacher's confidence and self-proactivity on the use of digital materials in the teaching of factual essays. The study revolved around teacher's opinions based on the dimensions of self-confidence and proactiveness. A survey method through a quantitative study design based on questionnaires is used in this research. The study sample consisted of 30 Malay language teachers for secondary schools in the district of Shah Alam, Selangor. The study data were analyzed descriptively; mean and standard deviation. The inferential data were from the One-Sample t-Test to test the mean effectiveness of each dimension. The results of this study show that there is a significant mean difference for both dimensions. For the self-confidence dimension, $t = 37.1$, while the self-proactivity dimension, $t = 49.6$. Both dimensions were set a significance level <0.05 ($df = 29$). Implications from this study suggest that self-confidence and proactiveness are important to be measured by teachers so that the use of digital materials becomes an active new norm in the context of factual essay teaching in the 21st century. It is recommended that teachers be given extensive exposure to the use of digital materials in the classroom. The purpose is to increase the stimulus of Malay language teachers in the context of the use of ICT-based materials.

Keywords:

Self-Confidence, Self-Proactivity, Digital Materials, Information And Communication Technology, Factual Essays

Pengenalan

Sistem pendidikan pada abad yang serba maju dan sofistikated ini masih kuat terikat dengan fahaman mekanis. Fahaman ini adalah penting diamati dan diamalkan guru untuk dipastikan kelangsungan terarah kepada aspek mentalis adalah berkesan. Konsep mekanis yang juga berkisar kepada behavioris telah lama diterap dalam amalan pendidikan, terutamanya di dalam bilik darjah. Pengamalan ini turut melibatkan pengurusan mekanis. Proses pembelajaran yang berasaskan fahaman mekanis telah mengalokasikan guru untuk berperanan utama dalam penyesuaian tindak balas murid menerusi pelbagai aktiviti. Antaranya tertumpu kepada pembelajaran menerusi latihan, selain pembabitan hukuman dan ganjaran. Aktiviti pula adalah terbatas pada kerangka mekanis yang disusun atur dalam proses peneguhan-tindak balas-peneguhan.

Bagi guru, perubahan tindak balas murid yang dinamik perlu dititikberatkan dalam konteks perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada abad baharu ini. Hal ini demikian kerana aspek mekanis yang diasas kepada rangsangan dan tindak balas mampu mewujudkan perubahan murid dalam pembelajaran bahasa (Asep Budiman, 2017).

Jika diteliti pada konsep rangsangan dan tindak balas, bahan pengajaran juga berfungsi penting ke arah perubahan mekanis guru Bahasa Melayu. Daripada kajian Adenan Ayob (2020), aspek mekanis guru Bahasa Melayu perlu dikaji dari sudut yang lebih spesifik untuk diselaraskan dengan penggunaan bahan digital dalam pengajaran penulisan.

Penyataan Masalah

Beberapa penyelidik menemukan kajian tentang aspek mekanis dari sudut pendapat guru dalam pengajaran bahasa. Adenan Ayob (2018a) berpendapat bahawa pendapat guru dari segi sikap kesukaan terhadap penggunaan bahan yang berasaskan bahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran bahasa adalah signifikan. Adenan Ayob (2018c) menambah bahawa aspek mekanis adalah pelbagai dan sangat kompleks serta perlu dikaji secara lebih menyeluruh dan teliti. Terdahulu, pernyataan ini benar-benar menunjukkan bahawa bahan yang bersumberkan TMK pada era ini sering diguna dalam bentuk integrasi multimedia interaktif, dan sering disesuaikan dengan aspek mekanis dalam pengajaran penulisan (Mohd. Elmagzoub A. Babiker, 2015).

Hakikatnya, aspek mekanis memang perlu dikaji secara terperinci berbanding kognitif. Kajian berupa mekanis perlu diteliti oleh guru di dalam bilik darjah kerana impaknya adalah besar dalam penelitian berfikir murid (Sri Kartika Rahmana *et al.*, 2014). Ini sejajar dengan fungsi guru sebagai moderator di dalam bilik darjah yang perlu dibekal dengan ilmu psikologi mekanis (Adenan Ayob, 2018a). Ilmu ini perlu ada keselarasan dengan penggunaan bahan digital yang semakin berkembang pada masa ini. Realitinya daripada sorotan kajian, aspek kognitif memang lazim dikaji pada abad ini. Daripada penyelidikan Adenan Ayob (2014; 2018a; 2019) serta Adenan Ayob dan Lajiman Janoory (2018), kajian yang menyentuh tentang aspek kognitif perlu ditumpu kepada aspek mekanis terlebih dahulu. Ini kerana elemen rangsangan adalah dianggap sebagai titik pertemuan dengan kognitif dalam konteks interaksionalis.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan statistik ujian-t dalam penganalisan perbezaan min pendapat guru yang berdimensikan keyakinan sendiri sebagai pembolahubah bersandar, dan disesuaikan dengan penggunaan bahan digital dalam pengajaran penulisan karangan fakta. Kajian Huseyin Uzunboylu dan Jameel Ahmad (2012) menunjukkan perbezaan min keyakinan sendiri guru adalah signifikan. Sebelum itu, kajian Adenan Ayob (2018b) tentang sikap usaha akademik pengajar terhadap penggunaan bahan TMK dalam istilah teknologi pula turut terdapat kesignifikan dari segi perbezaan min. Kedua-dua kajian ini jelas memperlihatkan bahawa aspek mekanis sendiri guru atau pengajar adalah penting dikaji supaya dijadikan landasan ke arah pengkajian mentalis. Terdahulu, wahana bahan digital, sama ada daripada Internet ataupun sumber-sumber lain yang berkaitan mampu diukur dari segi hubungan antara pemboleh bersandar (pendapat mekanis) dengan penbolehubah bebas, iaitu penggunaan bahan digital (Adenan Ayob & Lajiman Janoory, 2018). Bagi kedua-dua kajian, bahan digital yang terdapat integrasi elemen multimedia interaktif dapat berfungsi dinamik ke arah penyaluran fokus, selain penyelesaian masalah dalam pengajaran bahasa, khususnya penulisan karangan fakta.

Bahan digital dalam pengajaran karangan fakta yang berasaskan TMK juga terkait dengan pelbagai pendapat signifikan dari sudut mekanis sendiri oleh guru. Daripada kajian Asep Budiman (2017), pendapat guru amat penting dianalisis kerana sumbangannya kepada penyesuaian sumber TMK. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji keberkesanan signifikan dimensi

keyakinan dan keproaktifan sendiri guru bahasa Melayu terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta (Adenan Ayob, 2020).

Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini digubal dengan berdasarkan pernyataan masalah di atas. Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengkaji:

- i. Pencapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta.
- ii. Keberkesanan signifikan pencapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta.

Soalan Kajian

Terdapat dua soalan kajian yang digubal dengan berpandukan objektif yang dinyatakan di atas. Soalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah min pencapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta?
- ii. Adakah terdapat keberkesanan signifikan pencapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta?

Batasan Kajian

Kajian ini menghadkan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Shah Alam, Selangor. Dalam kajian ini, data dianalisis secara deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai. Data inferens dianalisis dengan menggunakan Ujian-t Satu Sampel. Kajian juga menghadkan pendapat guru dari segi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital untuk pengajaran karangan fakta. Instrumen kajian hanya soal selidik. Dalam penyelidikan ini juga, Teori Contiguity (Guthrie, 1935) yang turut dibatas dalam pesekitaran fahaman mekanis.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi guru untuk menganalisis aspek mekanis dalam konteks persediaan pengajaran. Hakikatnya, guru yang melaksanakan sesi pengajaran perlu bijaksana dalam memberikan pertimbangan dari sudut tingkah laku murid. Kesiediaan murid dalam pembelajaran karangan fakta perlu disemai dengan sifat keyakinan dan keproaktifan sendiri sebelum bermula langkah berfikir oleh murid.

Pada zaman yang serba canggih ini bahan rangsangan amat penting diguna untuk mengubah tingkah laku murid. Oleh itu, kaji dari aspek afektif sepenuhnya wajar dilaksana dari semasa dan ke semasa. Sebenarnya, daripada guru sebagai model pengajar dan moderator yang berkualiti perlu bersedia dengan bekalan afektif dan penelitian rangsangan bahan pengajaran supaya jalinan efisiensi pada murid akan lebih terserlah dalam penulisan karangan.

Keberkesanan pendapat guru dalam aspek keyakinan dan keproaktifan sendiri dijadikan fokus utama oleh guru dalam meningkatkan prestasi dan kecekapan ke arah penyaluran ilmu penulisan dengan berasaskan sumber TMK. Pendapat guru dihalatujui untuk memudahkan

pengajaran penulisan karangan, seterusnya menampilkan kualiti atau pencapaian yang spesifik dalam isi, bahasa dan pengolahan. Daripada hasil kajian ini, kesignifikanan pendapat afektif dengan berdasarkan dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri guru mempunyai kesejajaran dengan bahan rangsangan moden serta kualiti atau pencapaian karangan fakta. Triangulasi antara aspek afektif dengan penggunaan bahan rangsangan hakiki yang berasaskan TMK untuk pengajaran karangan fakta dapat memudahkan urusan guru demi melaksanakan rancangan pengajaran harian yang efektif. Secara rasionalnya, kekuatan mekanis mampu meningkatkan rangsangan pada bahan pengajaran ke arah lonjakan kualiti dan pencapaian penulisan karangan jenis fakta. Tegasnya, gabungan antara fahaman mekanis (yang diasas pada pendapat guru) yang terjalin pada bahan pengajaran digital mampu melonjakkan kredibiliti murid dalam pembelajaran penulisan karangan.

Definisi Operasional

Penggunaan Bahan Digital

Terdapat banyak pandangan sarjana pendidikan tentang penggunaan bahan digital. Menurut Adenan Ayob (2019), bahan digital ialah integrasi elemen multimedia interaktif iaitu teks, grafik, audio, animasi dan video. Bahan ini diguna secara dalam talian (online) dengan berasaskan Internet. Platform bahan digital adalah seperti laman sesawang, Facebook, Whatsapp, Blog dan Twitter. Bahan Internet diperoleh guru dan murid dalam bentuk teks asas multimedia interaktif sebagai nota. Selain itu ialah bahan grafik Bitmap (sumber dilukis) dan Metafile (sumber langsung imej). Bagi kajian ini, bahan digital langsung berfungsi dalam bentuk permainan bahasa, misalnya kuiz dan teka silang kata.

Keyakinan Kendiri Guru

Keyakinan sendiri diasas kepada pengetahuan yang dipengaruhi emosi. Menurut Adenan Ayob (2012), keyakinan sendiri ialah gagasan deskriptif yang menjurus kepada produk atau perkara. Bagi kajian ini, keyakinan sendiri guru terbina untuk mendeskriptifkan gambaran dari sudut penggunaan bahan digital. Bagi kajian ini juga, keyakinan sendiri guru dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

Keproaktifan Kendiri Guru

Keproaktifan sendiri guru didefinisi dari pelbagai sudut. Menurut Adenan Ayob (2020), keproaktifan sendiri bermaksud tindakan jangkaan untuk mengubah diri sendiri dan persekitaran. Bagi kajian ini, keproaktifan sendiri ialah jangkaan dan rancangan untuk memperoleh hasil atau kesan bagi guru. Kesan adalah dalam konteks himpunan rangsangan mekanis dan bahan. Bagi kajian ini, keproaktifan sendiri guru dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

Pengajaran Karangan Fakta

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Bahasa Melayu, kemahiran menulis dianggap penting, begitu juga dengan beberapa kemahiran lain. Dalam konteks kurikulum, kemahiran menulis melibatkan beberapa jenis karangan. Antaranya ialah kemampuan murid menyemai rangsangan dan tindak balas untuk akhirnya mampu menjana isi, bahasa dan pengolahan (Adenan Ayob, 2014). Sebahagian besar topik dalam pengajaran lebih banyak berkait dengan tema tertentu, terutamanya yang melibatkan isu-isu semasa. Oleh itu, dalam menghasilkan isi-isi penting selain menjelaskan fakta, murid perlu diajar dengan menggunakan bahan atau sumber multimedia interaktif yang kreatif dan inovatif dengan berasaskan TMK (Tri Sedyani, Yufiarti & Eko Hadi, 2017).

Sorotan Literatur

Konsep Teori Fahaman Mekanis di dalam Bilik Darjah Berpersekitaran Bahan Digital

Konsep teori fahaman mekanis pada masa ini amat penting disadur kepada persekitaran digital. Adenan Ayob (2018) berpandangan bahawa konsep bahan pengajaran digital dikait dengan perkembangan pedagogi ekoran penggembelengan transformasi inovatif sumber tradisional kepada sumber moden. Transformasi ini paling mudah diperoleh pada era global untuk dimanfaatkan di dalam bilik darjah bestari seperti peralihan daripada buku bercetak kepada buku digital dalam bentuk *flip*.

Teori Mekanis

Teori mekanis bermanfaat menyokong pengajaran dan pembelajaran. Teori ini memberikan inspirasi kepada guru untuk menganalisis dan menerapkan fahaman behavioris dalam pengajaran. Teori ini juga mewujudkan persekitaran dengan rangsangan positif dan mengurangkan rangsangan negatif. Teori behavioris perlu selalu berlaku dalam pengajaran guru untuk mengembangkan repertoir pengetahuan dan kemahiran demi membentuk perkembangan murid (Asep Budiman, 2017).

Teori Contiguity

Teori Contiguity yang telah diperkenal oleh Guthrie (1935) menjelaskan kombinasi rangsangan yang berlaku adalah daripada mekanis dan penggunaan bahan yang diikuti oleh tindak balas. Menurut Adenan Ayob (2020), tindak balas mungkin berupa pengajaran guru seperti menggunakan bahan atau pembelajaran murid seperti menulis. Guthrie juga menambah bahawa pengajaran dan pembelajaran berlaku ialah kesan daripada hubungan pelbagai rangsangan. Selanjutnya, Guthrie berpendapat bahawa rangsangan dan tindak balas mampu mempengaruhi corak motorik sensori; apa-apa yang dipelajari ialah pergerakan. Prinsip teori ini menggarab gabungan rangsangan perlu kritikal dari sudut mekanis untuk berlakunya tindak balas yang kreatif. Oleh hal yang demikian, ciri teori ini mengutamakan kombinasi rangsangan yang mantap untuk tercetusnya tindak balas giat.

Kajian-kajian Lepas

Kajian ini dibuat untuk meneliti kekuatan dari segi keberkesanan signifikan pendapat guru yang berdimensikan keyakinan dan keproaktifan sendiri berbanding kajian-kajian yang lepas. Kekuatan lain yang dibanding adalah dengan memberikan fokus kepada penggunaan bahan digital untuk pengajaran penulisan karangan fakta.

Inovasi bahan pengajaran yang berbentuk digital telah dianggap pemangkin kepada kemajuan mekanis sendiri guru (Adenan Ayob, 2014). Oleh itu, daripada pandangan kajian Adenan Ayob (2017) juga, penyelidikan ini telah meletakkan fokus kepada keperluan pendapat guru dari sudut penyelarasan penggunaan bahan digital yang berspesifikasikan mekanis sendiri guru. Daripada kajian Huseyin Uzunboylu dan Jameel Ahmad (2012), gabungan rangsangan yang berasaskan pendapat guru dan bahan perlu seiring dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang mempunyai persekitaran aktif dan proaktif.

Terdapat juga beberapa penyelidikan tentang keberkesanan pendapat mekanis guru terhadap penggunaan bahan dalam pengajaran bahasa. Kajian oleh Mohd. Elmagzoub A. Babiker (2015) menunjukkan keberkesanan sikap dan motivasi guru terhadap penggunaan bahan grafik adalah signifikan dalam penulisan karangan. Dalam memberikan kesinambungan terhadap kajian Mohd. Elmagzoub A. Babiker (2015), penyelidikan ini pula telah memberikan tumpuan kepada

elemen lanjut tentang mekanis, iaitu keyakinan dan keproaktifan sendiri guru terhadap penggunaan bahan digital. Menurut Adenan Ayob (2020), bahan digital memang telah sedia terjalin beberapa manfaat rangsangan dengan berasaskan semua elemen asas multimedia interaktif.

Sejajar dengan perkembangan TMK yang drastik pada masa ini, guru perlu bersedia secara terancang dalam aspek mekanis. Tujuannya supaya guru dapat menjalinkan usaha pengajaran dalam bentuk penjana minda murid menerusi penggunaan bahan pengajaran digital yang terkini. Daripada pandangan Adenan Ayob (2018a; 2019) menunjukkan guru yang kreatif, kritis, dan inovatif sering memulakan pengajaran dari segi penyemaian mekanis diri secara dinamik menerusi penggunaan bahan bantu digital. Sebelum itu, daripada kajian Wazeema dan Kareema (2017), fahaman interaksional mampu mengukur kekuatan berfikir yang berpunca daripada sifat dalam diri guru yang matang dari aspek mekanis. Dengan berpandukan kajian dan pandangan literatur tersebut, penyelidikan ini dibuat untuk memberikan hala tuju kepada mekanis keyakinan dan keproaktifan sendiri guru dalam menggunakan bahan digital yang terdapat integrasi teks, audio, video, animasi dan video.

Penyelidikan ini telah dilaksanakan menerusi kajian lapangan yang melibatkan sampel guru. Hal ini demikian kerana guru yang terbaik perlu kerap mengamalkan fahaman mekanis pada peringkat awal pengajaran (Adenan Ayob, 2014).

Penyelidikan ini tidak menyentuh tentang kajian kesan penggunaan bahan digital kerana setakat ini telah terlalu banyak bukti yang berkaitan. Antara bukti ialah kesan bahan visual dalam penulisan karangan Bahasa Melayu (Sri Kartika Rahmana *et al.* (2014). Saranan penyelidikan yang menyentuh tentang mekanis perlu diperbanyak untuk dipastikan tumpuan kepada bahan yang bersifat global (Asep Budiman, 2017), seperti yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini yang menyentuh tentang bahan digital.

Pengajaran Berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Sejajar dengan tinjauan literatur, terdapat banyak sorotan kajian yang berkait dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Aspek pendapat adalah dengan berasaskan mekanis sendiri (Adenan Ayob, 2014; Tri Sedyani, Yufiarti & Eko Hadi, 2017).

Metodologi

Kaedah Kajian

Penyelidikan ini berdasarkan reka bentuk penyelidikan kuantitatif. Kaedah tinjauan yang berdasarkan soal selidik digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana sesuai dengan struktur kajian lapangan yang mengumpulkan data normal.

Sampel dan Lokasi Kajian

Sampel untuk kajian ini terdiri daripada 30 orang guru Bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah menengah yang terletak di Shah Alam, Selangor. Ciri-ciri sampel sesuai dengan kesetaraan pengalaman mengajar, serta norma penyerapan pelbagai sumber TMK dalam pengajaran. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Lokasi kajian pula dipilih kerana melibatkan kesesuaian ciri data dalam persampelan kebarangkalian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah soal selidik. Struktur instrumen ini melibatkan Bahagian A (Demografi Responden Guru). Bahagian B ialah 15 item bagi dimensi keyakinan sendiri. Bahagian C ialah 15 item bagi dimensi keproaktifan sendiri.

Semua item diselaras dengan penggunaan Skala Likert positif. Paparan skala ialah "4 Sangat Setuju", "3 Setuju", "2 Tidak Setuju" dan "1 Sangat Tidak Setuju". Skala 4, 3, 2 dan 1 positif ini disandar kepada pendapat guru yang berpengalaman dalam pengajaran dengan berasaskan bahan digital. Instrumen kajian ini telah diubahsuai daripada kajian Adenan Ayob (2014).

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data soal selidik bagi kajian ini dilaksana dalam tiga peringkat. Tiga peringkat berkenaan ialah taklimat, pendedaran, dan pengumpulan data dengan berpandukan ketetapan masa atau tempoh.

Analisis Data

Data bagi kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferens. Bagi Soalan Kajian 1, data dianalisis untuk memperoleh min dan sisihan piawai. Bagi Soalan Kajian 2 pula, data dianalisis menerusi statistik Ujian-t Satu Sampel untuk ditelitikan perbezaan min.

Hasil Kajian

Responden Guru

Jadual 1 menunjukkan demografi responden guru bagi kajian ini. Pecahan dalam jadual ini melibatkan bilangan dan peratus bagi guru mengikut bangsa.

Jadual 1. Demografi Responden Guru

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu		
Lelaki	10	60
Perempuan	8	
Cina		
Lelaki	3	26
Perempuan	5	
India		
Lelaki	2	14
Perempuan	2	

Paparan dalam Jadual 1 menunjukkan guru lelaki yang berbangsa Melayu ialah 10 orang, Cina ialah 3 orang dan India ialah 2 orang. Guru perempuan yang berbangsa Melayu pula ialah 8 orang, Cina ialah 5 orang dan India 2 orang. Keseluruhannya, responden guru berbangsa Melayu ialah 60%, guru Cina ialah 26% dan guru India ialah 14%.

Apakah min pencapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta?

Jadual 2. Min Dan Sisihan Piawai Dimensi Keyakinan Dan Keproaktifan Kendiri

Dimensi	Min	Sisihan Piawai (SP)
Keyakinan Kendiri	3.4	0.50
Keproaktifan Kendiri	3.1	0.35

Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piawai dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri guru. Dimensi keyakinan sendiri ialah 3.4 (SP = 0.50). Dimensi keproaktifan sendiri pula ialah 3.1 (SP = 0.35).

Adakah terdapat keberkesanan signifikan pendapat guru bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri terhadap penggunaan bahan digital dalam pengajaran karangan fakta?

Jadual 3. Perbezaan Min Pendapat Guru

Dimensi	Min	SP	t	Signifikan
Keyakinan Kendiri	3.4	0.50	37.1	0.000
Keproaktifan Kendiri	3.1	0.35	49.6	0.000

Paras signifikan < 0.05.

SP ialah sisihan piawai.

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri masing-masing menerusi Ujian-t Satu Sampel. Daripada jadual di atas, $t = 37.1$ ($df = 29$) bagi dimensi keyakinan sendiri pada paras signifikan bawah 0.05. Bagi dimensi keproaktifan sendiri, $t = 49.6$ ($df = 29$) juga pada paras signifikan bawah 0.05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri.

Perbincangan

Aspek perbincangan ini adalah berfokus kepada hasil kajian yang menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri. Penelitian kritis ini menjurus kepada kekuatan dari segi keberkesanan signifikan pendapat guru dengan mengimbas semula beberapa kajian yang lepas. Perbincangan turut berkisar kepada kelebihan teori Conguinity oleh Guthrie (1935) yang masih relevan dalam penyelidikan seumpama ini.

Hasil kajian ini telah dapat membuktikan bahawa Inovasi bahan pengajaran digital telah dianggap pemangkin kepada kemajuan mekanis sendiri guru (Adenan Ayob, 2014). Oleh itu, daripada pandangan beliau juga adalah sejajar untuk meletakkan tumpuan kepada keperluan pendapat guru dalam menyelaraskan penggunaan bahan digital yang berpaksikan aspek mekanis sendiri guru. Kajian Huseyin Uzunboyly dan Jameel Ahmad (2012) menyokong kombinasi rangsangan yang berpandukan pendapat guru dan bahan adalah seiring dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa yang berjustifikasikan dinamika keaktifan di dalam bilik darjah (Mohd. Elmagzoub A. Babiker, 2015). Mohd. Elmagzoub A. Babiker menambah bahawa kelebihan teori Conguinity menjadi kewajaran untuk disesuaikan dengan penyelidikan mekanis dan bahan digital. Tujuannya adalah terarah kepada usaha kepelbagaian rangsangan supaya tindak balas lebih berkean.

Dalam kajian literatur, termaktub beberapa penyelidikan tentang keberkesanan pendapat mekanis guru terhadap penggunaan bahan dalam pengajaran bahasa. Penyelidikan Kajian oleh Mohd. Elmagzoub A. Babiker (2015) menunjukkan keberkesanan sikap dan motivasi guru terhadap penggunaan bahan grafik adalah signifikan dalam pengajaran bahasa. Selaras dengan hasil kajian ini, didapati aspek mekanis keyakinan dan keproaktifan sendiri guru turut memberikan impak kepada usaha guru dalam menggunakan bahan digital. Menurut Adenan Ayob (2020), rangsangan daripada bahan pengajaran digital akan lebih bermakna jika guru mempunyai ilmu mekanis yang tergabung secara sistematik dan saintifik menerusi pernyataan konsep dan prinsip dalam teori Conguinity.

Selaras dengan kemajuan bidang TMK yang drastik dalam pendidikan terkini, guru memang diharap sentiasa bersedia dari sudut pengetahuan serta amalan mekanis seperti yang diaspirasi daripada ciri-ciri dalam teori Conguinity. Hakikatnya, guru dapat melaksanakan pengajaran pada peringkat penajaan minda murid menerusi penggunaan bahan pengajaran digital yang soistikated. Perkara ini adalah selari dengan pandangan Adenan Ayob (2018b; 2019) yang menunjukkan guru akan kreatif, kritis, dan inovatif jika dapat memulakan pengajaran dari segi penyemaian mekanis diri secara dinamik menerusi wahana bahan bantu yang berbentuk digital seperti grafik Bitmap dan animasi. Terdahulu, Wazeema dan Kareema (2017) turut berpandangan bahawa fahaman interaksional dianggap pendorong penting dalam langkah guru mengajar sehingga murid berjaya memperoleh bahasa penulisan dengan penyemaian aspek mekanis. Ini dapat dibuktikan bahawa keyakinan dan keproaktifan sendiri dapat menghalatujukan aspek mekanis yang berkisar kepada keyakinan dan keproaktifan sendiri guru ketika menggunakan bahan digital yang terdapat integrasi teks, audio, video, animasi dan video (Adenan Ayob, 2020). Penyelidikan ini juga telah berupaya membuktikan kajian lapangan pada peringkat awal adalah dijadikan keutamaan. Konteks keutamaan dikait dengan penglibatan sampel guru yang menyentuh tentang pendapat keyakinan dan keproaktifan sendiri perlu didahulukan berbanding penyelidikan langsung kognitif murid. Terdapat kajian lain telah membuktikan bahawa pengamalan fahaman mekanis pada peringkat awal pengajaran (Adenan Ayob, 2019) perlu dianggap perintis.

Hasil kajian ini juga telah menunjukkan kerasionalan bahawa penyelidikan yang tidak menyentuh tentang kajian kesan penggunaan bahan digital tidak menjadi keutamaan. Sejalan dengan prinsip dalam teori Conguinity, aspek mekanis ialah sandaran keperluan guru sebelum meneliti aspek kognitif. Daripada pandangan Adenan Ayob (2014) mekanis amat terkait dengan unsur pendidikan, umpamanya emosi dan rohani. Beliau memberikan contoh iaitu sebelum guru memulakan langkah kognitif pedagogi menerusi rncangan pengajaran harian set induksi ialah paltform yang sesuai untuk menyediakan murid dalam persekitaran afektif seperti pemupukan keyakinan dan keproaktifan sendiri. Oleh itu memang jelas bahawa guru yang berjaya adalah dengan melaksanakan pendidikan afektif, dan kemudiannya beralih kepada pengajaran sebenar iaitu menjana minda murid dengan berpandukan susunan strategi berpusatkan guru, murid, bahan dan masalah. Usaha sebegini dapat mengukuhkan hasil kajian ini yang dapat disesuaikan dengan penggunaan teori Conguinity, dan seperti yang disaran oleh Asep Budiman (2017) yang menyentuh tentang fahaman mekanis yang perlu dipergiat di dalam bilik darjah. Ini adalah antara kriteria yang dijadikan pegangan untuk diselaraskan peneguhan rangsangan menerusi penggunaan bahan yang bersifat global, khususnya yang diguna dalam penyelidikan ini iaitu bahan digital.

Penutup

Daripada hasil kajian ini, keberkesanan signifikan pendapat guru Bahasa Melayu bagi dimensi keyakinan dan keproaktifan sendiri perlu diselaras dengan penggunaan bahan digital. Keduanya penting dipaksi kepada aspek rangsangan untuk meneguhkan tindak balas. Guru yang didedah dengan keyakinan dan keproaktifan sendiri terangsang atau bertindak balas dalam pengajaran. Bahan digital juga memang perlu difokus kepada unsur rangsangan untuk murid mendengar, bertutur, membaca dan menulis (sebagai puncak kemahiran bahasa). Integrasi sumber multimedia interaktif yang dikaji pada bahan digital perlu dieksploitasi dalam persekitaran pengajaran yang dinamik.

Rujukan

- Adenan Ayob. (2014). The Integration of Multimedia Hypertext and Interactive Text: It's Effect on Achievement in Comprehension. *Journal of Advances In Information Technology*, 5(2). <https://doi.org/10.4304/jait.5.2.48-52>.
- Adenan Ayob (2017). The Effect of Digital Materials towards Standard Two Student's Achievement in Reading. *International E-Journal of Advances in Education*, Vol. 2, Issue 8, pp. 261-267.
- Adenan Ayob (2012). The Application of Malay Technological Computer-Based Terminologies in Malaysian Youth Institutions for Skills: Interests and Challenges. *Malaysian Journal of Youth Studies*, pp. 218-221.
- Adenan Ayob (2018a). Pedagogy and Multimedia Integration System Model for Writing. *Int. J. Manag. Bus. Res.*, 8 (2), pp. 181-188.
- Adenan Ayob (2018b). Manipulasi Kebolehcapaian Murid dalam Gaya Bahasa Berasaskan Teks Interaktif Permainan Bahasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), pp. 18-27.
- Ayob, A. (2018c). Teacher's Opinion towards Constructive Thinking for Teaching Essay Writing Based on Interactive Multimedia Integration. *Research in World Economy*, 10(2 Special Issue), pp. 102-107.
- Adenan Ayob & Lajiman Janoory (2018). Effect of Malay Language Portal-based Assessment. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Volume 3, Issue 9, pp. 30-36.

- Adenan Ayob (2019). The Effects of Virtual Text and Graphic Integration Based on Interactive Multimedia Towards Student's Achievement in Summary Writing. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, pp. 87-92.
- Adenan Ayob (2020). Effect of Divergent Thinking Models Based on Bitmap Graphical Sources towards Student's Achievement in Exploring Fact Essay Writing Content. *Journal of Education and e-Learning Research*, Vol. 7, No. 1, 87-92, 2020, doi: 10.20448/journal.509.2020.71.87.92,
- Asep Budiman (2017). Behaviorism In Foreign Language Teaching Methodology. *English Franca*, Vol. 1, No 02, Tahun 2017, STAIN Curup, pp. 101-114. Diakses pada 5 September 2021 dari file:///C:/Users/hp/Downloads/Behaviorism_and_Foreign_Language_Teaching_Methodol.pdf
- Guthrie, E. R. (1935). *The psychology of learning*. New York: Harper.
- Huseyin Uzunboylu & Jameel Ahmad (2012). English Language Teaching (ELT) and Integration of Media Technology. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 47(2012). <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.758>. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, Volume 8, Issue 4, pp. 328-338.
- Mohd. Elmagzoub A. Babiker (2015). Effective Use of Multimedia in Education, Teachers must Develop their Own Educational Multimedia Applications Assit. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 14(4).
- Sri Kartika Rahmana et al. (2014). Kesan Bahan Visual dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134 (2014), pp. 454-462.
- Tri Sedyani, Yufiarti & Eko Hadi (2017). Integration of Audio Visual Multimedia for Education Teachers' Self Reflections in Developing Teaching Competencies. *Journal of Education and Practice (Online)*, 8(6).
- Wazeema, & Kareema (2017). Implication of Multimedia Audio-Visual Aids in English Language Classroom. *Proceedings of 7th International Symposium, SEUSL*, 7th & 8th December 2017.